

## **AMALAN KEPIMPINAN MORAL PERDANA MENTERI KE-10 MALAYSIA: ANALISIS KANDUNGAN BERDASARKAN HANTARAN BERTULIS DI INSTAGRAM**

*MORAL LEADERSHIP PRACTICES OF THE 10TH PRIME MINISTER OF MALAYSIA: A CONTENT ANALYSIS OF WRITTEN POSTS ON INSTAGRAM*

Muhamad Hamka Mahidi<sup>1\*</sup>, Marshelayanti Mohamad Razali<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: M20232003156@siswa.upsi.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Moral, Sivik dan Pembangunan Karakter, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: marshela@fsk.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 24.10.2024

Revised date: 10.11.2024

Accepted date: 12.12.2024

Published date: 22.12.2024

#### **To cite this document:**

Mahidi, M. H., & Razali, M. M. (2024). Amalan Kepimpinan Moral Perdana Menteri Ke-10 Malaysia: Analisis Kandungan Berdasarkan Hantaran Bertulis Di Instagram. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (38), 483-501.

**DOI:** 10.35631/IJLGC.938032

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan kepimpinan moral yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri ke-10 Malaysia (PM ke-10) melalui hantaran bertulis di Instagram. Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk analisis kandungan. Hantaran bertulis di Instagram Anwar Ibrahim di analisis bermula dari hari pertama lantikan beliau sebagai PM ke-10 iaitu 24 November 2022 sehingga 31 Disember 2022. Tema-tema yang ditemui di analisis secara manual dengan menggunakan analisis tematik. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat tujuh amalan kepimpinan moral melalui hantaran bertulis di Instagram beliau iaitu berbincang, integriti, menyantuni, persahabatan, menghargai, bersatu-padu dan kesamarataan. Dapatkan ini membuktikan bahawa PM ke-10 mengamalkan kepimpinan moral yang wajar ditunjukkan sebagai seorang pemimpin nombor satu negara, seterusnya menjadi contoh teladan yang boleh diikuti oleh masyarakat khususnya pemimpin di pelbagai peringkat.

### **Kata Kunci:**

Amalan Kepimpinan Moral, Instagram, Media Sosial, Perdana Menteri.

**Abstract:**

The study aims to explore the moral leadership practices demonstrated by the 10th Prime Minister of Malaysia (10th PM) through a written post on Instagram. To achieve the objectives, this study used a qualitative approach through content analysis. The analysis of written posting on Anwar Ibrahim's Instagram starts from the first day of his appointment as the 10th PM, which is 24th November 2022 until 31st December 2022. Themes found were analysed manually using thematic analysis. Studies show that there were seven moral leadership practices in the written posting on his Instagram: discussion, integrity, politeness, friendship, appreciation, unity, and equality. This finding proves that the 10th PM practices moral leadership that should be shown as the number one leader of the country, and thus be an example to be followed by the community, especially leaders at various levels.

**Keywords:**

Moral Leadership Practices, Instagram, Social Media, Prime Minister.

## Pengenalan

Instagram adalah salah satu platform dalam talian yang paling popular di mana pengguna dapat berkongsi kandungan antara satu sama lain. Kini, ramai individu menghabiskan masa di Instagram daripada media sosial yang lain. Menurut Zauridah Hamid dan Liyanan Suhaimi (2020), Instagram merupakan aplikasi rangkaian sosial mudah alih yang membolehkan pengguna untuk mengambil gambar, membuat penapisan imej, melaraskan kontras dan warna serta boleh berkongsi dengan rakan-rakan di laman media sosial yang lain. Dalam erti kata lain, Instagram adalah aplikasi percuma yang membolehkan pengguna berkongsi detik-detik harian mereka atau berhubung dengan orang lain di seluruh dunia dengan hanya perkongsian foto dan video ke dalam Instagram mereka. Penggunaan Instagram bukan sahaja digunakan untuk paparan gambar dan video semata-mata, namun turut diaplikasikan dalam perkembangan dunia politik, sosial, ekonomi dan juga pendidikan. Penggunaan aplikasi Instagram ini bukan hanya digunakan oleh rakyat biasa bahkan pemimpin negara turut menggunakan aplikasi ini dengan tujuan untuk mendengar, menerima pendapat serta bersikap terbuka terhadap hantaran dan maklumat yang disampaikan.

Instagram kini mendapat perhatian dalam kalangan pengguna media sosial tanpa mengira faktor usia, bangsa maupun fahaman politik. Pada zaman yang berteknologi maju ini, kebanyakan ahli politik menggunakan media sosial sebagai satu medium bagi meraih perhatian dan sokongan daripada kalangan masyarakat. Hal ini kerana, ahli politik semakin peka akan kepentingan dan kehendak hidup masyarakat kini yang dianggap semakin bergiat aktif di media-media sosial terutamanya Instagram. Bukan itu sahaja, penggunaan Instagram dalam kalangan ahli politik juga dianggap sebagai jalinan komunikasi di antara ahli politik dengan rakyat bahkan berasa lebih selesa dengan penggunaan media sosial sebagai wadah pemerolehan maklumat terutamanya berkaitan politik. Perdana Menteri Malaysia ke-10 iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim (DSAI) turut menggunakan Instagram sebagai pendekatan beliau untuk mendekati rakyat dan apa yang menarik ialah jumlah pengikut beliau adalah 969 ribu.

DSAI disenaraikan individu berpengaruh di dunia kerana ketegasan dalam kepimpinannya sering dikaitkan dengan sifat, nilai dan tingkah laku yang beretika. Ini kerana pemimpin tersebut dapat mengecam, mempamerkan cara dan menguatkuaskan nilai yang mendorong ke arah pencapaian visi dan misi. Kepimpinan beretika adalah mustahak kerana pemimpin adalah agen perubahan dan arkitek bagi elemen-elemen penting kepada budaya organisasi. Nilai ini menjadi amalan kerja yang dapat menghasilkan budaya kerja yang positif dalam sesebuah organisasi. Menurut Hussain (2012), sikap dan tingkah laku pemimpin memberi impak kepada perlakuan anggota organisasi dan seterusnya ini akan mempengaruhi prestasi organisasi. Ini bermakna bahawa etika merupakan tingkah laku yang ada dalam diri seseorang di mana nilai-nilai moral yang wujud akan membawa kepada amalan dan perlakuan dalam bidang profesional.

Kepimpinan merupakan suatu keperluan dalam membina kekuatan organisasi terutama dalam memimpin organisasi ke arah menuju dan mencapai matlamat yang ingin dicapai bersama. Menurut Hussin (2010), kepimpinan sebenar yang berkesan ialah apabila perilaku pemimpin dan amalan proses mempengaruhi oleh pemimpin konsisten dengan etika dan nilai-nilai moral. Ini boleh dikaitkan dengan konsep kepimpinan moral. Menurut Mardi dan A.Manaf (2013), kepimpinan moral adalah kepimpinan tahap tinggi yang merujuk kepada perhubungan antara ketua dan subordinatnya yang bukanlah berasaskan kuasa sebaliknya berasaskan kepada hasrat berkongsi keinginan, aspirasi dan nilai yang baik secara bersama.

### **Literatur Kajian Amalan Kepimpinan Moral Dan Penggunaan Media Sosial**

Kepimpinan moral merupakan aspek penting dalam kepimpinan, terutamanya di Malaysia di mana isu integriti dan etika telah banyak dibincangkan. Terdapat banyak kajian yang meneroka amalan kepimpinan moral, namun kebanyakan kajian tersebut tertumpu di sekolah.

Di peringkat sekolah, pengetua atau guru besar adalah orang yang bertanggungjawab terhadap semua aktiviti yang berlaku di institusi tersebut. Noor (2012) menyatakan bahawa pengetua atau guru besar ialah individu yang paling penting dan berpengaruh di sesebuah sekolah. Mereka adalah individu yang betanggungjawab menetapkan nada sekolah, iklim pembelajaran, tahap profesionalisme dan moral guru serta darjat keprihatinan terhadap masa depan pelajar. Adams et. al. (2018) juga berpendapat bahawa mereka bukan sahaja menjadi pemimpin tertinggi yang menduduki kerusi teratas dalam hierarki organisasi sekolah tetapi juga bertanggungjawab menentukan kualiti sekolah yang mereka terajui berada di tahap cemerlang. Ini menunjukkan bahawa institusi pendidikan memerlukan pemimpin yang berkredibiliti untuk memastikan penyampaian pendidikan yang berkualiti kepada murid.

Che Mat (2018) menegaskan bahawa pemimpin yang berkesan adalah pemimpin yang memiliki ciri-ciri tertentu seperti kejujuran, kepintaran, integriti, dorongan dalam kepimpinan, kreativiti, berkomunikasi dengan baik, keyakinan diri serta sifat-sifat kepimpinan yang lain. Ini penting dalam memastikan kecemerlangan institusi pendidikan, termasuklah di universiti. Yahya (2017) pula menyatakan bahawa seseorang pemimpin hendaklah mempunyai wawasan dalam memimpin organisasi beliau. Bukan itu sahaja, beliau juga hendaklah mempunyai strategi yang jelas dan kemas bagi membolehkan beliau membawa organisasi beliau ke hadapan dan ke suatu tahap yang lebih baik. mbacaan melalui data sekunder dan kajian perbandingan di Malaysia dan negara luar. Selain itu, setiap pemimpin perlu ada sifat integriti (Yahya dan Hasan, 2020). Telus, amanah dan bertanggungjawab merupakan sifat penting yang perlu ada dalam setiap pemimpin untuk meningkatkan prestasi kepimpinan dalam organisasi.

Dengan kata lain, integriti ini bukan sahaja melibatkan tindakan baik yang perlu dilakukan dalam setiap tugas yang diamanahkan, malah ia juga berkait rapat dengan ajaran agama dan nilai tanggungjawab sebagai seorang manusia.

Kajian mengenai media sosial juga telah banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Abdullah, et. al. (2019) dalam kajian mereka melaporkan bahawa blog telah menjadi medium yang berpengaruh dalam melaporkan sesuatu berita selepas rata-rata masyarakat menolak media arus perdana yang dilihat sering berpihak kepada kerajaan. Blog juga tidak dapat dipisahkan dengan orang politik terutamanya mereka yang berada dalam parti yang menentang pemerintah pada ketika itu. Pada ketika itu menampakkan bahawa blog memberi kesan yang sangat mendalam kepada seluruh rakyat Malaysia apabila kuasa media massa perdana ternyata tidak dapat ditandingi dengan kuasa media baharu sehingga menyebabkan kejatuhan teruk parti Barisan Nasional dalam pilihan raya yang dijalankan.

Facebook merupakan antara media sosial terawal yang mendapat perhatian pengkaji untuk diteroka. Chuah Kee Man dan Niniefadzillea (2021) menyatakan bahawa pertambahan pengguna Facebook yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat telah menjadikan Facebook salah satu medium sumber maklumat utama dalam media sosial. Hantaran yang mendapat banyak perhatian dalam kalangan pengguna Facebook ini telah mencipta fenomena yang dikenali sebagai penularan, iaitu hantaran yang dikongsikan dengan puluhan ribu pengguna dalam tempoh masa yang singkat dan dengan cara yang lebih cepat berbanding media arus perdana. Muaz Noor et. al. (2020) turut menjelaskan bahawa laman sosial Facebook merupakan sebahagian rangkaian media sosial yang mempunyai peranan besar dan semakin mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari kalangan rakyat Malaysia. Dari kalangan pengguna Facebook, terdapat istilah khusus bagi pengguna yang dilihat mempunyai pengaruh yang ramai iaitu '*Social Influencer*' (pengguna media sosial berpengaruh).

Menurut Faradillah Omar et. al. (2015), media sosial menawarkan penciptaan personal maya dalam setiap profil pengguna serta sebagai bentuk komunikasi dengan pelbagai aktiviti. Ini menjelaskan bahawa laman jaringan sosial berfungsi seperti sebagai tempat untuk bertemu sahabat baharu, mengekalkan persahabatan, berkongsi maklumat dan idea sama ada untuk tujuan peribadi mahupun perniagaan serta menyatukan orang ramai. Di samping itu, media sosial juga memudahkan penyampaian pembelajaran, memudahkan hubungan, membentuk identiti serta membantu membentuk *self esteem*. Kepentingan penggunaan media sosial juga bertujuan untuk perkongsian pengetahuan dan maklumat atas talian dalam pelbagai kumpulan yang menggalakkan kemahiran berkomunikasi terutamanya antara pelajar dengan institusi pendidikan.

Kesimpulannya, kemunculan internet telah banyak mengubah kaedah seseorang individu dan organisasi sama ada swasta mahupun kerajaan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab malahan turut mengubah kaedah seseorang itu berkomunikasi pada zaman ini (Ishak Rahman et. al., 2020). Penggunaan internet telah menjadi salah satu gaya hidup dan rutin kehidupan masyarakat tanpa mengira lapisan umur dan generasi. Hal ini kerana kemudahan yang semakin canggih menyebabkan seseorang dapat mengaksesnya bukan hanya menerusi penggunaan komputer mudah alih tetapi menerusi telefon pintar yang turut dilengkapi kemudahan melayari internet.


Kajian-kajian lepas berkaitan amalan kepimpinan moral dan penggunaan media sosial telah membantu untuk memberi kefahaman yang jelas mengenai topik ini. Namun, kajian yang menumpukan kepada amalan kepimpinan moral dalam kalangan pemimpin negara masih kurang dilakukan oleh para sarjana. Justeru, kaji ini dilakukan bagi mengisi kelompong mengenai amalan kepimpinan moral Perdana Menteri ke-10 Malaysia melalui hantaran bertulis di Instagram.

### **Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian dalam penyelidikan ini menggunakan analisis kandungan. Kaedah ini digunakan bagi mengkaji beberapa istilah, perkataan, konsep, tema, frasa atau ayat yang ada dalam media berkenaan. Analisis kandungan boleh digunakan dalam pelbagai bidang ilmu seperti politik, sosial, pengurusan, pendidikan dan sebagainya. Selain itu, analisis kandungan teks merangkumi aktiviti membaca, meneliti, memilih dan menyaring teks yang dikenal pasti sebagai bahan penyelidikan. Kaedah kandungan dalam penyelidikan ini melibatkan hantaran bertulis di Instagram Perdana Menteri ke-10 Malaysia iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim bermula 24 November 2022 sehingga 31 Disember 2022. Hantaran bertulis di Instagram Perdana Menteri ke-10 Malaysia dipilih sebagai data kajian berdasarkan beberapa faktor. Kajian ini menganalisis hantaran Instagram terhadap nilai moral dalam amalan kepimpinan moral Perdana Menteri ke-10 sepanjang 38 hari pemerintahan.

Pada amnya, analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan hurai objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Analisis kandungan adalah sumber yang paling mudah kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar untuk menipu. Prosedur pengumpulan data merupakan langkah-langkah yang menerangkan mengenai keseluruhan proses daripada peringkat awal kajian sehingga akhir kajian. Dalam kajian ini, pengkaji mengumpul data melalui analisis kandungan melalui hantaran Instagram Perdana Menteri ke-10.

Terdapat lima langkah prosedur pengumpulan data kajian. Langkah pertama ialah persediaan data. Kajian ini menggunakan Instagram Perdana Menteri ke-10 Malaysia dan memilih untuk menganalisis hantaran bertulis di platform media sosial tersebut. Kajian ini dijalankan bermula 24 November 2022 sehingga 31 Disember 2022. Langkah seterusnya ialah mentakrifkan unit analisis. Kajian ini menentukan apakah unit analisis yang akan digunakan dalam kajian ini berdasarkan kepada hantaran bertulis di Instagram Perdana Menteri ke-10 Malaysia. Oleh itu, kajian ini merekodkan amalan kepimpinan moral dan nilai-nilai murni yang ditunjukkan melalui hantaran bertulis. Langkah ketiga ialah membina kategori dan skema pengkodan. Pengekodan melibatkan penyusunan unit makna ke dalam kategori yang ditakrifkan sebelum ini. Kajian ini mendapat terdapat beberapa tema yang telah dikenal pasti menerusi hantaran bertulis di Instagram Perdana Menteri ke-10 Malaysia semasa menyenaraikan tema. Langkah keempat pula ialah pengekodan teks. Tema-tema yang berkaitan dikeluarkan dan diasingkan secara manual tanpa menggunakan mana-mana perisian. Dan langkah kelima ialah analisis laporan. Setelah pengekodan selesai, data yang dikumpul perlu diperiksa untuk mencari corak dan membuat kesimpulan. Setelah mengenal pasti beberapa amalan kepimpinan moral dan nilai-nilai murni Perdana Menteri ke-10 Malaysia, analisis berdasarkan tema-tema utama telah ditemui.



**Rajah 1 Prosedur Pengumpulan Data Kajian**

### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Bahagian ini membincangkan mengenai hasil kajian dan perbincangan. Amalan kepimpinan moral merupakan satu cara memimpin melalui contoh teladan yang ditunjukkan oleh para pemimpin sehingga orang-orang yang dipimpin mahu mematuhi dan melaksanakan apa sahaja yang dikehendaki oleh para pemimpin secara sukarela dan bukannya secara paksaan. Perdana Menteri ke-10 Malaysia telah menggunakan media sosial Instagram yang bertujuan untuk menanamkan dan memupuk kepimpinan yang berkesan untuk dicontohi, dihayati dan diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat. Usaha ini dilihat lebih menjurus untuk menerapkan nilai bertanggungjawab dan beretika dalam kalangan masyarakat. Pemimpin harus memimpin melalui tindakan dan percakapan mereka. Sebagai contoh, Perdana Menteri ke-10 Malaysia turut menyediakan platform yang sesuai untuk masyarakat dalam menyumbang idea-idea yang baik serta memastikan idea tersebut dilaksanakan dengan segera dan memberikan penghargaan yang setimpal kepada penyumbang idea. Justeru itu, pengkaji telah mengenal pasti beberapa amalan kepimpinan moral Perdana Menteri ke-10 Malaysia melalui hantaran di Instagram beliau. Hasil mendapati bahawa terdapat tujuh amalan kepimpinan moral Perdana Menteri ke-10 Malaysia antaranya ialah berbincang, menyantuni, integriti, persahabatan, menghargai, bersatu padu dan kesamarataan.

#### i. Berbincang

Amalan kepimpinan moral pertama yang dikenal pasti ialah berbincang. Dalam melaksanakan tugas sebagai pemimpin negara, Perdana Menteri ke-10 Malaysia sering melontarkan hantaran bertulis yang menyebut bahawa amalan berbincang membuktikan salah satu faktor yang membawa kepada sesuatu kejayaan. Berikut merupakan antara amalan berbincang yang dikenal pasti di hantaran bertulis Instagram Perdana Menteri ke-10 Malaysia:

**Jadual 1 Berbincang**

<b>Tarikh</b>	<b>Hantaran Bertulis di Instagram</b>
24 November 2022	Pemerintahan dibentuk dengan dukungan padu dan mantap dari tiga gabungan terbesar yakni Harapan, Barisan Nasional dan Gabungan Parti Sarawak Kerajaan akan menjamin dan menjaga hak semua rakyat Malaysia khususnya golongan yang terpinggir dan melarat tanpa kira bangsa dan agama.
25 November 2022	Perbincangan sedang diadakan bersama parti- parti yang membentuk kerajaan bagi mengecilkan saiz Kabinet serta saya turut menegaskan akan mengurangkan gaji anggota Kabinet kelak.
26 November 2022	Esok pagi jam 11 akan bermesyuarat bersama jabatan dan agensi kerajaan di Putrajaya yang akan memberi fokus soal kos sara hidup yang menekan rakyat.
27 November 2022	Pagi tadi mempengaruhi Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara Tahun 2022 bersama jabatan dan agensi kerajaan bagi membincangkan isu kos sara hidup yang menekan dan menyeka rakyat terutamanya golongan miskin dan melarat. Saya telah memberikan tempoh dua minggu kepada jabatan dan agensi berkaitan untuk mencerakinkan dan menelusuri seluruh dampak berkaitan pemberian subsidi agar ia lebih bersasar dan sampai kepada golongan yang benar-benar layak. Tempoh tersebut juga diberi untuk berbincang dengan sektor swasta serta pelabur agar mereka faham fungsi dan tujuan subsidi diberikan iaitu bagi meringankan beban golongan miskin.
6 Disember 2022	Saya turut akan berbincang dengan Tan Sri Hassan Marican serta mengadakan rundingan dengan pegawai kanan Kementerian Kewangan serta Ketua Setiausaha Perbendaharaan mengenai anggota pasukan ekonomi yang akan diketuai beliau. Berkenaan Bernas dan Tan Sri Syed Mokhtar, saya telah mengadakan perbincangan dengan beliau sebelum memberikan arahan kepada Bernas untuk membayar sebanyak RM10 juta bulan ini dan RM50 juta tahun hadapan kepada pesawah yang miskin dan melarat. Keputusan ini tidak mudah kerana saya berdepan dengan konglomerat yang keuntungannya berbilion ringgit, dan ia tidak bermaksud untuk merobohkan empayar beliau seperti dakwaan Menteri Besar Kedah.

Jadual 1 menunjukkan bahawa hantaran bertulis yang berkaitan dengan amalan kepimpinan moral yang pertama iaitu berbincang telah ditulis beberapa kali sepanjang tempoh 38 hari pemerintahan beliau. Ini menunjukkan bahawa Perdana Menteri ke-10 Malaysia amat mementingkan amalan berbincang dalam kepimpinan supaya keputusan atau pilihan dapat dipersetujui dari pelbagai pihak tanpa berlakunya perselisihan faham. Ini menunjukkan bahawa Perdana Menteri ke-10 Malaysia mempunyai sikap suka berbincang atau keterbukaan yang menjadi salah satu corak komunikasi kepimpinan yang penting. Dalam konteks organisasi, pemimpin yang mempunyai sikap terbuka ini

dapat memperlihatkan kesanggupan untuk menerima teguran yang membina, bersedia untuk mendengar dan menerima pendapat, mudah diajak berbincang dalam segala masalah serta bersedia berkongsi maklumat berkaitan tugas.

ii. **Integriti**

Menurut Munohsamy (2015), integriti bermaksud kejujuran dan ketulusan, kesempurnaan dan keutuhan. Ini juga berkait rapat keikhlasan, keterbukaan, ketulusan dan amanah. Integriti secara umumnya boleh didefinisikan sebagai peribadi mulia yang terdapat pada individu meliputi nilai-nilai amanah, jujur, ikhlas, sabar, tidak mengamalkan tabiat rasuah, berlapang dada, telus, bertanggungjawab dan memiliki ciri-ciri positif yang lain. Amalan kepimpinan moral kedua yang dikenalpasti di hantaran bertulis Instagram Perdana Menteri ke-10 Malaysia ialah integriti. Berikut merupakan hantaran yang berkaitan dengan integriti:

**Jadual 2 Integriti**

<b>Tarikh</b>	<b>Hantaran Bertulis di Instagram</b>
24 November 2022	Amanah akan digalas dengan penuh tawaduk dan bertanggungjawab. Tugas berat ini akan saya pikul berpandukan kehendak dan nurani rakyat bersama pasukan.
27 November 2022	Saya ingin memaklumkan bahawa semalam saya telah menolak untuk menggunakan sebuah kenderaan jenis Mercedes S600 yang telah dibeli dan diperoleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebelum saya memasuki pejabat. Langkah tersebut diambil kerana saya tidak mahukan sebarang perbelanjaan baru dibuat ke atas saya. Sebaliknya, saya telah membuat keputusan untuk menggunakan apa saja kenderaan sedia ada di pejabat untuk kegunaan harian.
29 November 2022	Saya turut menegaskan bahawa budaya lama pemerintah yang meluluskan projek tanpa tender serta kebocoran dan ketirisan yang berleluasa mesti dihentikan. Rakyat sedang menunggu perubahan yang ingin dibawa, dan saya ingin mengajak penjawat awam yang saya anggap sebagai wahana ke arah perubahan untuk bersama-sama dalam satu pasukan yang kuat dan jitu demi pertiwi.

Integriti merupakan pegangan nilai moral seseorang individu dan diterjemahkan melalui tingkah laku (Seiful Anuar, Suhana Saad, Hair Awang dan Noordayana Tambi, 2021). Perdana Menteri ke-10 amat mementingkan dalam membanteras isu-isu yang bercanggah dengan amalan integriti seperti gejala rasuah. Beliau turut menyatakan bahawa kepentingan membanteras rasuah harus diterjemahkan dengan pelaksanaan tindakan tegas oleh agensi penguasa berkaitan rasuah dan integriti serta akauntabiliti perkhidmatan awam. Penekanan daripada Perdana Menteri ke-10 Malaysia itu memberi mesej yang jelas kepada agensi penguasa kuasa, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), bahawa mereka perlu menahan perasauh atau sesiapa saja yang terbabit gejala itu tanpa perasaan takut atau pilih kasih. Maka, pemimpin yang baik dan tegas seperti ini mesti mempunyai pendirian yang teguh dan berlandaskan perjuangannya. Mereka perlu menunjukkan kesungguhan untuk mempertahankan integriti, amanah dan tanggungjawab kepada rakyat. Pemimpin juga

perlu menyanjung sistem pentadbiran negara yang bertunjangkan sistem raja berpelambagaan dan demokrasi berparlimen selain mendokong prinsip-prinsip rukun negara dalam kehidupan sehari-hari.

iii. Menyantuni

Pemimpin perlu untuk mengambil inisiatif untuk menyantuni rakyat dengan turun padang sendiri supaya memahami situasi yang berlaku di peringkat akar umbi. Dalam menyantuni kepelbagaian masyarakat hari ini, pemimpin perlu memahami kekuatan dan kelemahan serta menyantuni masyarakat dengan jiwa muafakat dan toleransi yang tinggi. Hal ini kerana, setiap rakyat berhak disantuni walaupun berbeza faham dan pegangan. Pengkaji telah mengenal pasti amalan kepimpinan moral ketiga di hantaran bertulis Instagram Perdana Menteri ke-10 Malaysia, iaitu menyantuni. Berikut merupakan hantaran bertulis yang berkaitan dengan menyantuni:

**Jadual 3 Menyantuni**

<b>Tarikh</b>	<b>Hantaran Bertulis di Instagram</b>
25 November 2022	Terima kasih semua kepada yang terus mengutus ucapan tahniah dan saya amat menghargainya. Tanpa dukungan dan usaha kalian, kita tidak mampu mencapainya hari ini. Fokus kini adalah menjelmakan perubahan yang didambakan, dan masanya adalah sekarang.
6 Disember 2022	Imam Besar Masjid Putra, Salahuddin Ghozali menyampaikan khutbah Jumaat bertajuk 'Nasihat Buat Pemimpin Khalif Umar Abdul Aziz Contoh Teladan'. Saya turut berkesempatan santuni para jemaah sebaik selesai solat.

Salam takziah kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin dan keluarga atas kehilangan abang yang dikasihiai Tan Sri Abdul Aziz Yassin. Semoga roh Allahu arham ditempatkan bersama orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Al Fatihah.

Jadual 3 menunjukkan bahawa hantaran bertulis yang berkaitan dengan amalan kepimpinan moral yang ketiga iaitu menyantuni telah ditulis sepanjang 38 hari pemerintahan beliau. Ini menunjukkan bahawa Perdana Menteri ke-10 Malaysia memberi peluang kepada rakyat untuk mendekati pemimpin negara serta mengeratkan hubungan sesama masyarakat. Perdana Menteri ke-10 Malaysia mengambil inisiatif untuk menyantuni rakyat dengan turun padang sendiri supaya memahami situasi yang berlaku di peringkat akar umbi. Hal ini kerana, pemimpin juga haruslah proaktif dalam mengadakan sesi libat urus untuk mendengar pandangan rakyat secara seirus dan mengetengahkan dalam sidang DUN dan Parlimen. Ini jelas amat mustahak dalam memastikan kebijakan rakyat sentiasa menjadi keutamaan. Pemimpin hendaklah cakna dengan isu-isu pembangunan setempat, masalah yang berlaku dan mengenal pasti akan potensi di kawasan masing-masing. Ini adalah bertujuan untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi dan mempercepatkan industri tempatan, membangunkan bakat orang ramai, meningkatkan keupayaan keusahawanan dan memastikan golongan belia dapat diperkasakan dari segi peranan masing-masing di samping aspek kelestarian pembangunan dapat diperkuuhkan.

iv. Persahabatan

Dalam konteks negara, Malaysia merupakan anggota yang giat dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa, termasuk Negara-negara Komanwel, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Persidangan Islam, dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali. Persahabatan pemimpin negara dengan pemimpin negara luar dapat dilihat semasa pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-10 Malaysia. Amalan kepimpinan moral keempat iaitu persahabatan telah dikenalpasti di hantaran bertulis Instagram Perdana Menteri ke-10 Malaysia. Berikut merupakan hantaran bertulis yang berkaitan dengan persahabatan:

**Jadual 4 Persahabatan**

<b>Tarikh</b>	<b>Hantaran Bertulis di Instagram</b>
24 November 2022	Terima kasih Presiden Indonesia Bapak Joko Widodo yang menjadi kepala negara pertama yang menghubungi saya mengucapkan tahniah. Saya tegaskan Indonesia merupakan sahabat sejati Malaysia dan saya mengharapkan hubungan dagang dan bisnis, investasi, budaya dan isu pekerja dapat dipertingkatkan. Persahabatan kedua-dua semestinya diperkujuh.
26 November 2022	Pagi ini saya menerima kunjungan dari Premier Sarawak Abang Abdul Rahman Zohari Abang Openg bersama rombongan di rumah. Gabungan Parti Sarawak atau GPS menjadi di antara tunggak yang membentuk Kerajaan Perpaduan yang dikemudi saya. InshaAllah, hubungan di antara kerajaan persekutuan dan Sarawak pastinya lebih akrab dan diperkujuh dalam rencana melakar sebuah Malaysia yang lebih baik dan berketerampilan.
28 November 2022	Menyambut keberangkatan tiba Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah bersama Pengiran Muda 'Abdul Mateen Bolkiah di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang sempena lawatan khas baginda ke Malaysia. Turut sama menyambut keberangkatan tiba Baginda adalah Ketua Setiausaha Negara serta pegawai-pegawai kanan daripada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Luar Negeri. Baginda berkenan memandu sendiri kereta dengan membawa saya dan Pengiran Muda 'Abdul Mateen ke Seri Perdana, Putrajaya bagi mengadakan pertemuan sulung disusuli majlis santapan tengahari. Baginda dan saya berpeluang menilai kemajuan kerjasama sedia ada antara Malaysia-Brunei, di samping meneroka potensi baharu bagi meningkatkan hubungan serta kerjasama yang boleh memanfaat kedua-dua negara. Semoga hubungan Malaysia-Brunei akan terus diperkujuh, InsyaAllah.

Jadual 4 menunjukkan bahawa hantaran bertulis yang berkaitan dengan amalan kepimpinan moral yang keempat iaitu persahabatan telah ditulis sepanjang tempoh 38 hari pemerintahan beliau. Ini menunjukkan beliau tidak lupa jasa dan nilai persahabatan dengan seseorang walaupun berbeza negara. Penggunaan Instagram juga mampu

membentuk satu etika baharu dalam amalan persahabatan dan dalam masa yang sama menunjukkan cara pengurusan persahabatan sedia ada dan cara untuk menangani sahabat yang tidak diingini. Perdana Menteri ke-10 Malaysia menggunakan Instagram sebagai satu cara menunjukkan bahawa hubungan beliau dengan pemimpin negara luar begitu akrab. Sebagai contoh, semasa pelantikan beliau pada 24 November 2022, presiden Indonesia serta Presiden Turki telah menzahirkan ucapan tahniah kepada Perdana Menteri ke-10 Malaysia. Ini jelas menunjukkan bahawa hubungan Perdana Menteri dengan pemimpin negara luar amat baik serta tidak mustahil kerjasama dalam pelbagai aspek dapat dipertingkatkan bagi kedua-dua belah pihak. Kepentingan utama dalam menjalin hubungan persahabatan yang baik dengan negara luar adalah untuk menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.

v. Menghargai

Amalan kepimpinan moral kelima yang dikenalpasti di hantaran bertulis Instagram Perdana Menteri ke-10 Malaysia ialah menghargai. Berikut merupakan hantaran bertulis yang berkaitan:

**Jadual 5 Menghargai**

<b>Tarikh</b>	<b>Hantaran Bertulis di Instagram</b>
27 November 2022	Menerima kunjungan hormat Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hajiji Noor dan delegasi Gagasan Rakyat Sabah (GRS) di pejabat petang ini. Datuk Seri Panglima Hajiji Noor dan GRS memberi dukungan penuh kepada Kerajaan Perpaduan pimpinan saya, dan saya tentunya mengalu-alukan dan menghargai dukungan tersebut demi kepentingan kerajaan negeri dan kesejahteraan buat rakyat Sabah.
4 Disember 2022	Seorang insan, wanita, isteri yang tabah, penyayang dan berbakti. Seorang ibu yang tidak pernah jemu mencurahkan kasih sayang. Saya sentiasa bersyukur. Tanpa Azizah di sisi, tidak mungkin saya mampu menggalas amanah yang cukup berat saat ini. Saya berdoa agar Azizah sentiasa di bawah lindungannya.
6 Disember 2022	Mengadakan pertemuan dengan bekas Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob di Putrajaya hari ini. Saya hargai kesudian beliau untuk bertemu dan bertukar pandangan terkait pelbagai isu semasa. Saya juga nyatakan penghargaan kepada beliau atas dukungan dan sokongan yang diberikan.
19 Disember 2022	Kerajaan hari ini telah membawa satu Usul Percaya kepada Perdana Menteri dan berjaya membuktikan keabsahan dukungan majoriti di Dewan Rakyat. Terima kasih dan penghargaan atas kepercayaan dan sokongan yang jelas dan tegas. Kini masa untuk bekerja dan menjelaskan perubahan yang didambakan rakyat.
24 Disember 2022	Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan rencam budaya, adalah menjadi kebiasaan dan kewajiban setiap kita untuk mengambil kesempatan ini untuk mengeratkan silaturahmi antara rakyat dengan mengucapkan kata-kata yang indah buat mereka. Membenih dan menyemai budaya

---

perpaduan tidak hanya terletak di bahu pemerintah, tetapi setiap rakyat mesti memainkan peranan yang ampuh dan berterusan dalam memelihara keamanan, kerukunan serta semangat bersatu padu. Mesej atau seruan yang berbaur kebencian dan cubaan untuk mengapi-apikan perbedaan mesti dibenam dengan sikap kasih sayang dan rahmah. Semoga sambutan Krismas pada tahun ini lebih meriah serta dapat membawa keamanan, keharmonian, kemakmuran dan perpaduan kepada negara Malaysia yang terbilang dan rakyatnya yang cintakan keadilan. Kepada yang pulang ke kampung halaman, saya seru untuk waspada dan berhati-hati di jalanraya.

---

Dalam hantaran di Instagram Perdana Menteri ke-10, beliau sering menghargai sokongan daripada pelbagai pihak atas kepercayaan kepada dirinya selaku pemimpin negara. Pada Pilihan Raya Umum ke- 15 (PRU-15) yang lalu, DSAI telah diangkat sebagai Perdana Menteri ke-10 dengan sokongan daripada parti gabungan iaitu Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan beberapa parti lain yang memberi kepercayaan kepada beliau untuk mentadbir negara. Perdana Menteri ke-10 Malaysia menghargai sokongan dan penyertaan parti-parti politik dalam Kerajaan Perpaduan pimpinan beliau dan memastikan kestabilan serta kesejahteraan rakyat Malaysia terjamin. Amalan ini menjadi satu amalan yang baik kerana Perdana Menteri ke-10 tidak mudah lupa akan dukungan dan kesepadan daripada pelbagai pihak ketika dipilih sebagai Perdana Menteri Malaysia. Ini jelas bahawa amalan menghargai ini boleh dijadikan sebagai salah satu amalan yang perlu diikuti oleh semua lapisan masyarakat supaya agenda membangunkan Malaysia MADANI dapat direalisasikan.

vi. Bersatu padu

Dalam usaha mencapai perpaduan atau semangat bersatu padu dalam negara, pemimpin perlu menjadi contoh terbaik. Apabila berbicara tentang masyarakat, para pemimpin harus benar-benar ikhlas. Rakyat perlu melihat bahawa segala usaha yang digerakkan untuk menyatupadukan masyarakat dalam negara ini adalah bertujuan untuk mencapai matlamat perpaduan yang sebenar dan bukan bersifat retorik semata-mata. Berikut merupakan hantaran bertulis yang berkaitan dengan bersatu padu:

**Jadual 6 Bersatu Padu**

<b>Tarikh</b>	<b>Hantaran Bertulis di Instagram</b>
1 Disember 2022	Malam ini saya bersama dengan para pendukung yang setia yang menjadi antara penggerak awal gerakan reformasi. Meski ramai yang telah tiada, namun kejayaan kita hari ini ternyata terpacul dari gelombang kesedaran rakyat yang digerakkan pejuang massa. Saya turut memahami tatkala munculnya watak-watak yang sentiasa mencari peluang untuk memenuhi tembolok sendiri dan sanggup mengkhianati perjuangan kerana perjuangan yang panjang sentiasa melelahkan. Namun, kita kini telah berada di fasa baharu di mana kita harus bekerja bersama dalam satu pasukan dengan satu tekad mengenai

6 Disember 2022	bagaimana semangat islah itu mampu diterjemahkan dalam bentuk kebijakan yang menggarap hak untuk semua. Saya menggesa teman-teman untuk terus menjadi jurubicara rakyat dan sebarkan mesej-mesej pencerahan demi rakyat terbanyak!
16 Disember 2022	Budaya lama membolotkekayaan serta saham oleh para petinggi politik mesti dihentikan. Kebijakan mesti berpasak pada hak dan kepentingan rakyat terbanyak.  Hari ini telah terpahat satu lembaran baharu dalam sejarah politik tanah air di mana gabungan parti politik Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan Parti Warisan (WARISAN) telah bersetuju untuk bermuafakat demi negara. Permuafakatan yang membentuk pemerintahan hari ini adalah cerminan dan hasrat yang disuarakan oleh KDYMM Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu. Rangkulan ini menyatukan pelbagai kaum dan agama serta wilayah-wilayah di Malaysia bagi menjamin kestabilan Kerajaan Perpaduan, memungkinkan etika tata laksana yang tinggi, pemanfaatan ekonomi yang segar dan mampan serta memastikan segala permasalahan didepani dengan satu suara dan pasukan yang mantap.

Pemimpin negara memainkan peranan yang penting dalam mengamalkan amalan bersatu padu. Ini kerana, pemimpin negara merupakan tonggak utama yang menjadi contoh kepada masyarakat dalam menerapkan amalan bersatu padu ini. Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan agama, budaya dan bangsa. Masyarakat yang harmoni dapat dilahirkan jika kaum-kaum di Malaysia dapat menerima antara satu sama lain tanpa wujud prasangka dan pergeseran sehingga boleh menimbulkan konflik antara kaum. Perdana Menteri ke-10 menyebut dalam hantaran beliau yang mengajak rakyat Malaysia mendoakan kejayaan kepada skuad Harimau Malaya. Ini menunjukkan bahawa, kebijaksanaan pemimpin yang menjadikan perpaduan kaum sebagai keutamaan bagi membina agenda Malaysia MADANI dapat dilaksanakan dengan baik.

#### vii. Kesamarataan

Kesamarataan adalah amat penting dalam demokrasi. Jika tidak wujud kesamarataan, maka akan berlakulah diskriminasi dalam masyarakat. Pengkaji telah mengenal pasti amalan kepimpinan moral ketujuh di hantaran bertulis Instagram Perdana Menteri ke-10 Malaysia iaitu kesamarataan. Berikut merupakan hantaran bertulis yang berkaitan dengan kesamarataaan:

#### Jadual 7 Kesamarataan

Tarikh	Hantaran Bertulis di Instagram
3 Disember 2022	Kerajaan Perpaduan pimpinan saya akan terus memberi fokus kepada usaha pemantapan dan pemerkasaan golongan OKU melalui kebijakan yang tuntas. Meski diuji dengan halangan fizikal dan mental, golongan OKU seharusnya diberi peluang menyumbang keringat dan buah fikiran dalam pelbagai lapangan di negara ini terutamanya dalam hal membangun

masyarakat dan negara. Diskriminasi di pelbagai bidang terhadap golongan OKU mesti dihentikan, dan sebaliknya kita mesti rangkul segala upaya yang ada untuk membela semua terutamanya golongan orang kurang upaya.

21 Disember 2022      Bencana banjir di Kelantan dan Terengganu diberi tumpuan utama dengan meningkatkan pemantauan dan merencana tindakan segera. Sambutan Ambang Tahun Baharu 2023 dibatalkan mengambilkira bencana banjir yang menimpa sebahagian negara.

22 Disember 2022      Pentadbiran saya tidak membeda-bedakan pasukan mana yang rakyat telah pilih untuk mengemudi negeri. Pilihanraya telah pun berlalu dan keputusan rakyat mesti dijunjung dan dihormati. Kini masa untuk mentadbir dengan baik dan terapkan nilai keadilan dengan etika ketelusan dan kebertanggungjawaban yang tinggi.

Kesamarataan merupakan amalan kepimpinan yang terakhir dikenal pasti dalam hantaran bertulis di Instagram Perdana Menteri ke-10 Malaysia. Beliau juga mengamalkan amalan kesamarataan di mana kita boleh lihat beliau memberi fokus kepada pemantapan dan pemerkasaan golongan OKU. Amalan ini perlu diterapkan kepada pemimpin dari pelbagai peringkat nasional supaya aktiviti diskriminasi terhadap golongan OKU dihentikan. Beliau turut menyatakan bahawa pentadbirannya tidak akan pilih kasih dalam sesuatu hal. Ini kerana, Perdana Menteri ke-10 Malaysia ingin mengekalkan keadilan dengan etika ketelusan serta tanggungjawab yang tinggi. Perdana Menteri ke- 10 Malaysia turut menjelaskan bahawa beliau terbuka kepada rakyat jika ingin mengemukakan pendapat dan cadangan kepada gaya pentadbirannya.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan dapatan kajian, jelas menunjukkan bahawa amalan kepimpinan moral Perdana Menteri ke-10 Malaysia amat penting dan sesuai menjadi contoh teladan yang baik dan boleh diikuti oleh masyarakat khususnya pemimpin dalam pelbagai peringkat nasional. Sebagai seorang pemimpin negara, sifat-sifat kepimpinan yang ada nilai teladan yang tinggi, pengaruh yang besar dan sifat yang dipercayai yang tinggi pastinya akan dapat dilihat dengan pandangan mata. Ini kerana perbuatan yang memberi teladan akan dapat dinilai melalui pandangan mata. Bahkan mata itu sendiri lebih boleh dipercayai berbanding pendengaran. Pemimpin negara merupakan individu yang sangat penting dalam mencorak dan mentadbir negara. Kehebatan seseorang pemimpin juga mencerminkan kecemerlangan dan kegemilangan yang membentuk negara. Sudah pasti pemimpin yang baik juga mengutamakan kebijakan dan kemaslahatan rakyat dan ummat yang berada di bawah pentadbirannya.

Kajian ini membantu penyelidik lain untuk menambah literatur berkenaan dengan amalan kepimpinan moral. Kajian ini juga adalah sebagai panduan kepada penyelidik lain untuk melakukan kajian bukan sahaja berkaitan dengan analisis amalan kepimpinan moral melalui hantaran bertulis di Instagram, tetapi membantu memperluaskan dan membangunkan lagi kajian analisis kandungan Instagram.

## Penghargaan

Syukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan dan menyempurnakan kajian artikel ini dengan jayanya dalam tempoh yang telah ditetapkan. Saya Muhamad Hamka bin Mahidi, pelajar peringkat Sarjana Sastera (Pendidikan Moral), ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia projek sarjana saya, iaitu Dr. Marshelayanti Binti Mohamad Razali, yang saya hormati. Terima kasih di atas segala bimbingan, panduan, tunjuk ajar, dorongan, dan teguran sepanjang saya melaksanakan projek ini. Saya sesungguhnya berbangga dan bersyukur atas komitmen pensyarah penyelia yang begitu dedikasi dalam membantu saya menyempurnakan tesis ini. Selain itu, saya juga bersyukur atas sokongan yang diberikan oleh ahli keluarga saya, khususnya kedua-dua ibu bapa saya. Meskipun mereka tiada di samping saya sewaktu menyempurnakan tesis ini, saya amat menghargai pengorbanan mereka dari segi kewangan, sokongan emosi, serta dorongan yang tidak pernah putus. Akhir sekali, tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu dalam menyempurnakan tesis ini. Mereka sentiasa memberi dorongan baik dari segi emosi, tenaga, dan masa dalam menjayakan projek ini. Terima kasih.

## Rujukan

- Afzanizzam Zahran & Azmir Nizah. (2022). Pengaruh Tiktok terhadap toleransi politik dalam kalangan orang muda di Malaysia. Pusat Pengajian Generik. 74-80. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/18413/1/Pengaruh%20Tiktok%20Terhadap%20Toleransi%20Politik%20dalam%20Kalangan%20Orang%20Muda%20di%20Malaysia.pdf>
- Ahmad, N. A., Ismail, N. I., & Jasmi, K. A. (2012). Ucapan Terima Kasih in Prosiding Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 22 September 2012, pp. 281-298. ISBN 978-967-0194-24-0. [https://www.researchgate.net/publication/313476595\\_Ucapan\\_Terima\\_Kasih](https://www.researchgate.net/publication/313476595_Ucapan_Terima_Kasih)
- Ahmad Badrul Shah Hussin. (2010). Kesan kepemimpinan etika terhadap komitmen afektif dan penglibatan kerja serta peranan tanggapan sokongan organisasi sebagai mediator. [http://eprints.usm.my/43090/1/Tengku\\_Ahmad\\_Badrul\\_Shah\\_B.\\_Raja\\_Hussin24.pdf](http://eprints.usm.my/43090/1/Tengku_Ahmad_Badrul_Shah_B._Raja_Hussin24.pdf)
- Ali Salman, Agus Yusoff, Azrul Salleh & Yusof Abdullah. (2018). Penggunaan media sosial untuk sokongan politik di Malaysia. Journal of Nusantara Studies. 3(1), 51-63. [https://www.researchgate.net/publication/326018554\\_Penggunaan\\_Media\\_Sosial\\_untuk\\_Sokongan\\_Politik\\_di\\_Malaysia\\_The\\_Use\\_of\\_Social\\_Media\\_for\\_Political\\_Support\\_in\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/326018554_Penggunaan_Media_Sosial_untuk_Sokongan_Politik_di_Malaysia_The_Use_of_Social_Media_for_Political_Support_in_Malaysia)
- Atiullah Othman & Indriaty Ismail. (2016). Pengetahuan sebagai elemen tanggungjawab manusia menurut perspektif Islam. ISLAMIYYAT 38(1), 65-70. <http://jurnalarticle.ukm.my/10229/1/16913-47685-2-PB.pdf>
- Azizi Yahya. Keluarga dalam pembentukan moral. <http://eprints.utm.my/id/eprint/6035/1/aziziyahmoral.pdf>
- Aznizam Noor. (2012). Amalan kepimpinan mencapai guru besar dan komitmen kerja guru di sekolah rendah. <http://eprints.utm.my/id/eprint/31846/5/AznizamMohdNoorMFP2012.pdf>
- Barack, R.T. (@barackobama). (n.d.). Hantaran (Barack Obama). Diakses pada 23 Jun 2023 dari <https://www.instagram.com/barackobama/>
- Che Su Mustaffa & Zakiah Ibrahim. (2014). Persepsi dan penggunaan media sosial dari perspektif ibu bapa : Satu analisis kualitatif. Jurnal Komunikasi. 30. 43-74. Diperoleh daripada [https://repo.uum.edu.my/id/eprint/12852/1/V30\\_s\\_4.pdf](https://repo.uum.edu.my/id/eprint/12852/1/V30_s_4.pdf)

- Chuah Kee Man & Niniefadzillea Iswandi. (2021). Hantaran bahasa melayu yang tular di Facebook: Analisis dari aspek kandungan dan atribut linguistik. *Jurnal Bahasa*. 21(2), 217–240. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8197/4283>
- Digital 2022: Malaysia — DataReportal – Global Digital Insights. (2022). <https://datareportal.com/reports/digital-2022-malaysia>
- Donnie Admas, Ravadhi Periasamy, Edward Devadason & Satinah Awang. (2018). Amalan kepimpinan instruksional guru besar di sekolah vernacular negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. (28), 109-132. [https://www.researchgate.net/publication/336670476\\_AMALAN\\_KEPIMPINAN\\_INSTRUKSIONAL\\_GURU\\_BESAR\\_DI\\_SEKOLAH\\_VERNAKULAR\\_NEGERI\\_SELANGOR\\_DAN\\_WILAYAH\\_PERSEKUTUAN](https://www.researchgate.net/publication/336670476_AMALAN_KEPIMPINAN_INSTRUKSIONAL_GURU_BESAR_DI_SEKOLAH_VERNAKULAR_NEGERI_SELANGOR_DAN_WILAYAH_PERSEKUTUAN)
- Ellyanis Basori & Junaidi Besar. (2020). Pengaruh media terhadap sokongan kepada parti politik di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 17(5), 62-80. <http://journalarticle.ukm.my/15165/1/40031-127384-1-SM.pdf>
- Erdogan, R.T. (@rterdogan). (n.d). Hantaran (Recep Tayyip Erdogan). Diakses pada 23 Jun 2023 dari <https://www.instagram.com/rterdogan/>
- Fadhil Aziz & Mardzelah Makhsin. (2021). Pengaruh media sosial terhadap penampilan akhlak. *Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (42), 74-82. <http://www.ijepc.com/PDF/IJEPC-2021-42-09-07.pdf>
- Faizal Ghani, Khalil Adnan, Suriah Jemaat, Maszuria Ghani, Amalina Ayub & Shamsul Yusak. (2015). Kepimpinan moral pengetua sekolah berasrama penuh dan maktab rendah sains mara: Satu perbandingan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 2(3). file:///C:/Users/NEW/Downloads/17389.pdf
- Faizal Ghani, Saedah Siraj & Norfariza Radzi. (2009). Kepimpinan moral pengetua pemacu keberkesanan sekolah : Satu tinjaun awal. 2(V). <https://media.neliti.com/media/publications/112168-ID-kepimpinan-moral-pengetua-pemacu-keberke.pdf>
- Fazlinda Halim & Siraj Munir Muslaini. Impak media sosial terhadap tingkah laku sosial pelajar di kolej Vokasional. file:///C:/Users/NEW/Downloads/penerbit,+Paper\_09.pdf
- Firza Khalid, Normaliza Rahim & Roslina Mamat. (2019). Penggunaan Instagram dalam kalangan ahli politik di Malaysia. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*. 7(2), 115-129. [https://iukl.edu.my/rmc/wp-content/uploads/sites/4/2020/12/12.-SS\\_Nur-Friza.pdf](https://iukl.edu.my/rmc/wp-content/uploads/sites/4/2020/12/12.-SS_Nur-Friza.pdf)
- Hafizie Suhaimi & Norshuhada Shiratuddin. (2017). Media sosial memberi peranan penting sebagai platform pemasaran untuk usahawan industri kecil dan sederhana (IKS). *International Journal of Accounting, Finance and Business*. 2(4), 2-12. <http://www.ijafb.com/PDF/IJAFB-2017-04-06-11.pdf>
- Hakimi Tew Abdullah< Hanapi Khamis & Zuliani Azni. (2018). Pendemokrasian maklumat blog: Isu akauntabiliti dalam kalangan blogger di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 34(3), 361-378. <http://journalarticle.ukm.my/13122/1/28015-85504-1-PB.pdf>
- Ishak Rahman, Sanusi Othman, Marina Nelson & Azmi Aziz. (2020). Kesan penggunaan media sosial terhadap prestasi pekerja. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 3 (11), 22-21. <http://www.ijemp.com/PDF/IJEMP-2020-11-09-03.pdf>
- Jamilah Ahmad. (2022). Kepimpinan digital, suatu pilihan. *Faculty of Social Sciences and Humanities*. <https://news.utm.my/ms/2022/11/kepimpinan-digital-suatu-pilihan/>
- Jamilah Rani. (2019). Penglibatan masyarakat Malaysia di media sosial (Instagram). Kajian kes : Kejadian tembakan di Masjid Al-Noor, Christchurch, New Zealand. *Proceeding*

- of the 6th International Conference on Management and Muamalah. 252-256. <http://conference.kuis.edu.my/icomm/6th/images/eproceedings/ICD28.pdf>
- Jokowi, R.T. (@jokowi). (n.d). Hantaran (Joko Widodo). Diakses pada 23 Jun 2023 dari <https://www.instagram.com/jokowi/>
- Kartini Kamaruzzaman. (2021). Aktivisme sosial dan pemerksaan penglibatan masyarakat dalam era media baharu. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/14350/1/2.BM.%20SAIS2021%20Aktivisme%20Sosial%20Dan%20Pemerksaan%20Penglibatan%20Masyarakat%20Dalam%20Era%20Media%20Baharu.pdf>
- Marshelayanti Razali & Nafisah Hussin. (2021). Media baharu dan aktiviti politik belia Melayu di Selangor. *Journal of Social Science (EJOSS)*. 7(1), 45-54. file:///C:/Users/NEW/Downloads/admin,+marshelayanti%20(1).pdf
- Mazlan Yahya. (2017). Kecemerlangan dalam kepimpinan perkhidmatan awam – Suatu transformasi dalam memacu kejayaan: Pemimpin atau pengurus?. <https://www.ilkap.gov.my/download/kertaspenyelidikan/PDPA30112017.pdf>
- Megat Ayop Megat Arifin & Halim Ahmad. (2016). Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia : Suatu tinjauan umum. *Malaysian Journal of Society and Space*. 12(9), 138-149. <https://core.ac.uk/download/pdf/86409032.pdf>
- Muniroh Rohman & Zaharuddin Sabri. (2017). Kempen “kepimpinan melalui teladan” semasa era pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia. 9(2), 15-23. [https://www.academia.edu/32698131/Kempen\\_Kepimpinan\\_Melalui\\_Teladan\\_semasa\\_Era\\_Tun\\_Dr\\_Mahathir\\_Mohamad\\_di\\_Malaysia](https://www.academia.edu/32698131/Kempen_Kepimpinan_Melalui_Teladan_semasa_Era_Tun_Dr_Mahathir_Mohamad_di_Malaysia)
- Nadhira Rashidi, Fariza Khalid & Jasmy Rahman. (2017). Penggunaan Instagram sebagai platform promosi pendidikan. <https://seminarserantau2017.files.wordpress.com/2017/09/78-nur-nadhira-ahmad-rashidi.pdf>
- Nazri Muslim & Jamsari Alias. Patriotisme: konsep dan pelaksanaanya di Malaysia. <http://repo.uum.edu.my/id/eprint/1866/1/35.pdf>
- Nazrul Yahya & Norhaniza Hasan. (2020). Integriti dalam kepimpinan organisasi di Malaysia berdasarkan prinsip-prinsip pembangunan berteraskan Islam. *International Journal of Accounting, Finance and Business*. 5(28), 1-10. <http://www.ijafb.com/PDF/IJAFB-2020-28-09-01.pdf>
- Nordin, Nur Hidayu; Mohammad, Nur Syuhada; Mohamad, Ahmad Marzuki (2019). “Media Sosial dan Instagram Menurut Islam” in Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM’19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 277-296 . ISBN: 978-967-2296-55-3. [http://eprints.utm.my/id/eprint/85127/1/18%20NurHidayuNordin2020\\_MediaSosialdanInstagramMenurut.277-296.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/85127/1/18%20NurHidayuNordin2020_MediaSosialdanInstagramMenurut.277-296.pdf)
- Norazizah Che Mat. (2018). Reka bentuk model kepimpinan berkesan Institusi Pendidikan Tinggi Majlis Amanah Rakyat. <https://core.ac.uk/download/pdf/268879611.pdf>
- Norhapizah Burhan & Suhanom Zaki. Kepimpinan dalam mengurus perubahan untuk kecemerlangan organisasi perbandingan antara barat dan Islam. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/57545/1/57545.PDF>
- Norhazlina Hamid, Malek Rahman, Fauzi Ayub & Marzuki Jaafar. (2012). Ketagihan Facebook dalam kalangan pelajar sekolah. *Jurnal Bitara*. 5, 45-59. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPB/article/view/2412/1859>

- Normazaini Saleh, Wawarah Saidpuin, Nursyamimi Harun, Marhaini Ghani & Hazwani Damanhuri. (2020). Faktor pemilihan pemimpin pendapat di Instagram (Instafamous): Adakah memberi kesan kepada gaya hidup remaja. e-JURNAL PENYELIDIKAN DAN INOVASI. 7(2), 125-137.  
[https://www.researchgate.net/publication/352371920\\_FAKTOR PEMILIHAN PEMIMPIN\\_PENDAPAT\\_DI\\_INSTAGRAM\\_INSTAFAMOUS\\_ADAKAH\\_MEMBERI\\_KESAN\\_KEPADA\\_GAYA\\_HIDUP\\_REMAJA](https://www.researchgate.net/publication/352371920_FAKTOR PEMILIHAN PEMIMPIN_PENDAPAT_DI_INSTAGRAM_INSTAFAMOUS_ADAKAH_MEMBERI_KESAN_KEPADA_GAYA_HIDUP_REMAJA)
- Nurul Ofizar. Kepentingan kepimpinan moral di dalam organisasi.  
[https://www.scribd.com/embeds/113343291/content?start\\_page=1&view\\_mode=scrol l&access\\_key=key-fFexxf7rb1bzEfWu3HKwf](https://www.scribd.com/embeds/113343291/content?start_page=1&view_mode=scrol l&access_key=key-fFexxf7rb1bzEfWu3HKwf)
- Riza Suradi, Sufina Rosli, Tarmiza Nawi, Faridatulazna Shahabuddin, Zainol Mustafa & Choong-Yeun Liang. (2013). Nilai-nilai dalam kepimpinan dan warga kerja universiti dan hubung katnya dalam mengadun prestasi organisasi. Jurnal Pengukuran Kualiti dan Analisis. 9(1), 81-94. [https://www.ukm.my/jqma/v9\\_1/jqma-9-1-paper8.pdf](https://www.ukm.my/jqma/v9_1/jqma-9-1-paper8.pdf)
- Saiful Akramin Nor. (2016). Amalan kepimpinan pengetua di sekolah prestasi akademik tinggi dan rendah di daerah Kota Bharu, Kelantan. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27. [http://repo.uum.edu.my/id/eprint/23105/1/ICECRS,%201%20\(2016\)%20221-230.pdf](http://repo.uum.edu.my/id/eprint/23105/1/ICECRS,%201%20(2016)%20221-230.pdf)
- Saptuyah Majiri. Kepimpinan beretika dalam organisasi.  
[https://www.scribd.com/embeds/258577861/content?start\\_page=1&view\\_mode=scrol l&access\\_key=key-fFexxf7rb1bzEfWu3HKwf](https://www.scribd.com/embeds/258577861/content?start_page=1&view_mode=scrol l&access_key=key-fFexxf7rb1bzEfWu3HKwf)
- Sobhi Ishak, Awan Ismail, Bakri Mat, Azahar Kassim, Shariffah Mamat & Norati'qah Talib. (2015). Belia penggunaan media sosial. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 149-165. <http://iyres.gov.my/images/MJYS/2016/MJYS%202015%20Final-151-167.pdf>
- Shafezah Wahab. (2022). Pengaruh media digital.  
<https://premium.sinarharian.com.my/article/208515/mediasi-kritis/cetusan/pengaruh-media-digital>
- Shahrudin Ismail, Halimatou Ariffin & Zul Hilmi Abdullah. Media sosial semasa pandemik. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/6805/1/MEDIA%20SOSIAL%20SEMASA%20PANDEMIK.pdf>
- Shazalina Razali & Rosyidah Muhamad. (2022). Penyertaan politik dalam kalangan belia dengan menggunakan media sosial. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities. 7(12), 1-31. <https://www.msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/2019/1426>
- Suara Merdeka. (2020). 10 ahli politik dalam Malaysia memiliki pengikut paling ramai di Instagram. <https://suaramerdeka.com.my/10-ahli-politik-dalam-malaysia-yang-memiliki-pengikut-paling-ramai-di-instagram/>
- Sufriadi. (2019). Pengaruh kepimpinan beretika, kefahaman integriti dan nilai professional terhadap amalan etika akademik pensyarah perguruan tinggi keagamaan Islam negeri (PTKIN) di Aceh, Indonesia. [https://etd.uum.edu.my/8149/1/s901005\\_01.pdf](https://etd.uum.edu.my/8149/1/s901005_01.pdf)
- Syamimi Harun & Nurul Jamilah. (2017). Pendapatan social media Influencers (SIMs) dalam kalangan Generasi Z. Proceeding of the 6th International Conference on Management and Muamalah. 525-532. <http://conference.kuis.edu.my/icomm/4th/eproceedings/IC%20048.pdf>
- Thulasimani Munohsamy. (2008). Integriti dalam organisasi pendidikan. [https://www.researchgate.net/publication/279200355\\_INTEGRITI\\_DALAM\\_ORGANISASI\\_PENDIDIKAN](https://www.researchgate.net/publication/279200355_INTEGRITI_DALAM_ORGANISASI_PENDIDIKAN)

- W. Nor Asekin Hussain. (2012). Amalan kepimpinan etika guru besar dan kepuasan kerja guru di sekolah rendah daerah Segamat. Fakulti Pendidikan. 1-52. <http://eprints.utm.my/id/eprint/31843/5/WNorAsekinWHussainPFP2012.pdf>
- Yusnita Ghani. (2014). Kepimpinan pengetua / guru besar berprestasi tinggi dan kualiti keberhasilan pelajar. Fakulti Pendidikan. [http://eprints.iab.edu.my/v2/1037/1/KEPIMPINAN\\_PENGETUA\\_GURU\\_BESAR\\_B\\_ERPRESTA.pdf](http://eprints.iab.edu.my/v2/1037/1/KEPIMPINAN_PENGETUA_GURU_BESAR_B_ERPRESTA.pdf)
- Zaleha Yazid. (2019). Fleksibiliti kepimpinan dalam era digital. Pusat Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN). <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/10/613532/fleksibiliti-kepemimpinan-dalam-era-digital>